

Headline	Gembleng usaha lahirkan pakar keselamatan siber	Language	Malay
Media Title	Berita Harian	Section/ Page No	12
Date	27/9/2021	Journalist	Qamarul Nazrin Harun
Source	Newspaper	Remarks	UiTM Johor

Gembleng usaha lahirkan pakar keselamatan siber



Oleh Qamarul Nazrin Harun
bhrencana@bh.com.my

Keselamatan siber aspek penting perlu diberi perhatian khusus, terutama dalam semua urusan memabitkan operasi secara digital dan dalam talian.

Oleh itu, pembinaan bakat digital kompeten amat diperlukan Malaysia bagi merencanakan aktiviti digital dan dalam talian.

Malaysia Digital Economy Blueprint (MyDigital) secara khusus meletakkan sasaran melahirkan bakat digital profesional dalam bidang keselamatan siber seramai 20,000 orang menjelang 2025.

Bakat ini akan berada di barisan hadapan, memainkan peranan meningkatkan keupayaan keselamatan siber dalam pelbagai sektor pembuatan, terutama aspek keselamatan. Ini dapat mengurangkan risiko ancaman keselamatan siber yang mengakibatkan kerugian sesebuah organisasi.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia (CSM), Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab dalam satu kenyataan, menyatakan setakat hari ini 12,803 pakar keselamatan siber dilahirkan dan negara masih memerlukan sekitar 7,917 lagi menjelang 2025.

Suatu laporan dikeluarkan *International Institute for Strategic Studies* (IISS) merumuskan Malaysia sebuah negara yang memiliki kekuatan jelas dalam dasar keselamatan siber dan mempunyai potensi ekonomi digital yang kuat.

Untuk rekod, ekonomi digital Malaysia menyumbang 20 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta negara memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mendorong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mempraktikkan perniagaan digital dalam talian.

Tambahan pula, wabak COVID-9 menimpa negara tahun lalu secara tidak langsung memaksa pengiat industri mentransformasikan aktiviti ekonomi mereka secara drastik melalui platform digital seperti e-dagang.

Didorong akses kepada telefon pintar dan kesalinghubungan internet, ekonomi digital berkembang pesat serta mudah diterima masyarakat Malaysia.

Dari sudut lain, ancaman keselamatan siber turut berkembang selari kemajuan teknologi semasa. Statistik dikeluarkan CSM menunjukkan sehingga Ogos lalu, 7,495 insiden keselamatan siber dilaporkan dengan 5,409 penipuan (*fraud*) dalam talian.

Pelbagai insiden keselamatan siber turut didorong peningkatan pengguna internet di Malaysia, sedangkan jumlah keselamatan siber negara belum mencukupi untuk memenuhi keperluan perkembangan aktiviti digital ekonomi serta kewujudan ancaman siber yang semakin berevolusi.

Lantas, usaha melahirkan pakar keselamatan siber perlu digembleng semua supaya aspirasi negara terhadap agenda pendigitalan dan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) dapat dilaksanakan. Sasarannya supaya negara bersedia berhadapan risiko ancaman keselamatan siber yang datang daripada pelbagai pihak sama ada dalam atau luar organisasi.

Dalam konteks ini, universiti memainkan peranan penting dengan melahirkan tenaga pengajar keselamatan siber dalam kalangan pensyarah. Universiti boleh menggalakkan pensyarah dengan cara memberi insentif untuk mengambil pensijilan profesional atau tauliah makro dalam

bidang berkaitan keselamatan siber.

Selain itu, inisiatif berbentuk pinjaman pembelajaran atau bisiswa boleh diperuntukkan kepada pensyarah yang dilihat berpotensi menyumbang pengajian dalam bidang keselamatan siber pada peringkat doktor falsafah (PhD).

Usaha ini membantu melahirkan tenaga pengajar dalam kalangan pensyarah yang benar-benar menguasai falsafah dan teori berhubung keselamatan siber, seterusnya dapat memberi pandangan berhubung kepakaran mereka terhadap industri serta pelajar.

Pensyarah universiti juga disaran membina hubungan dengan pakar keselamatan siber dan penggiat industri dari luar negara dalam bentuk kerjasama penyelidikan serta pertukaran teknologi, seterusnya merancang dan memantapkan lagi pelbagai kajian dalam bidang keselamatan siber.

Seterusnya, universiti boleh mengambil inisiatif mewujudkan 'kumpulan berkepentingan khusus' dalam keselamatan siber dengan tujuan menghidupkan wacana ilmiah berhubung bidang ini.

Penyediaan kertas cadangan kajian keselamatan siber juga boleh dilaksanakan melalui inisiatif ini yang dapat menyebar luas kesedaran terhadapnya. Kesannya, ia dapat menanam minat pensyarah dan pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang keselamatan siber.

Universiti juga disaran meneroka peluang mewujudkan kursus dalam bidang keselamatan siber supaya dapat melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang ini.

Untuk itu, langkah awal boleh dimulakan dengan membuat kajian terhadap permintaan pasaran kerja dan kesesuaian terhadap agenda negara untuk mewujudkan generasi siber yang berupaya menjaga keselamatan siber di setiap lapisan organisasi.

Integrasi antara fakulti juga boleh dibuat untuk mewujudkan kursus berkaitan keselamatan siber merentas bidang. Pentadbiran universiti boleh mengenal pasti fakulti mana dapat memberi impak tinggi, selaras penyediaan graduan yang mempunyai kemahiran keselamatan siber yang kompeten dalam pelbagai bidang.

Sebagai contoh, fakulti perniagaan boleh diintegrasikan dengan fakulti sains komputer untuk mewujudkan graduan perniagaan berkepakaran tinggi dalam bidang keselamatan siber, fakulti

pengurusan dengan fakulti kejuruteraan komputer untuk mewujudkan graduan saintis data analitik keselamatan siber, malah fakulti guaman juga dilihat boleh diintegrasikan dengan fakulti yang menawarkan kursus keselamatan siber.

Hasilnya, graduan berpengetahuan tinggi terhadap dasar ini dapat dihasilkan, seterusnya menyediakan dasar berkualiti berhubung keselamatan siber. Usaha ini mungkin menjadi rujukan negara lain yang berminat melaksanakan program keselamatan siber mengikut acuan mereka sendiri.

Kerjasama antara universiti dan industri juga langkah strategik untuk melahirkan lebih ramai graduan kompeten dalam bidang keselamatan siber.

Universiti boleh mengadakan memorandum persefahaman (MoU) dengan pihak industri dan Kementerian sebagai usaha bersama mempergiatkan lagi bidang keselamatan siber di universiti.

Pihak industri boleh mengambil peluang membangunkan makmal keselamatan siber dalam universiti, manakala universiti dapat menyediakan pelajar untuk bersimulasi secara langsung dengan pelbagai bentuk serangan siber.

Sebagai contoh, Kementerian Pertahanan dapat mempersiapkan pelajar menjadi tentera siber yang lebih memfokuskan kemahiran keselamatan siber dalam bentuk serangan.

Realitinya, pembedayaan kesedaran keselamatan siber secara kolektif dan berterusan dalam setiap lapisan organisasi di universiti langkah bijaksana untuk melahirkan masyarakat cakna terhadap keselamatan siber.

Secara tidak langsung, ini dapat menyuntik prinsip dalam diri setiap pelajar. Selepas bergraduasi, mereka dapat menceburkan diri dalam industri dengan prinsip keselamatan siber yang disuntik sejak pengajian di universiti.

Usaha melahirkan generasi cakna keselamatan siber dan sentiasa sedia berhadapan pelbagai bentuk ancaman siber adalah tanggungjawab semua. Sasaran MyDigital melahirkan kira-kira 20,000 pakar keselamatan siber perlu dilihat secara serius oleh semua pihak.

Lebih jauh daripada itu, negara perlu mewujudkan masyarakat siber yang mempunyai prinsip keselamatan siber dan identiti tersendiri dalam menghadapi pelbagai urusan kehidupan secara digital dan dalam talian.

Negara perlu mewujudkan masyarakat siber yang mempunyai prinsip keselamatan siber dan identiti tersendiri dalam menghadapi pelbagai urusan kehidupan secara digital dan dalam talian

Dislaimer: Perpustakaan Tun Dr. Ismail, UiTM

This material may be protected under Malaysia Copyright Act which governs the making of photocopies or reproductions or copyrighted materials. You may use the digitized materials for private study, scholarship or research.